

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-03-2006
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI FASA KEDUA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim,
Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan;

Yang terhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan- timbalan Menteri,

Ahli ahli yang terhormat,

Datuk-datuk, Datin datin, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wa Taa'la kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, dapat kita bersama-sama bertemu dalam majlis pada malam ini. Terlebih dahulu, suka saya merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim serta seluruh anggota Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bersama agensi-agensi di bawahnya atas usaha gigih mereka menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang telah masuk Fasa Kedua ini.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran warga korporat dan pimpinan sektor swasta serta saudara saudari sekalian dari pelbagai latar mahupun lapisan masyarakat. Nescaya, dengan melihat kepada sokongan padu semua pihak seperti yang dipamerkan pada malam ini membuatkan kita berasa terus yakin dan percaya bahawa kesungguhan untuk menyemai amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia akan terus tumbuh dan berkembang selamanya.

Saudara dan saudari sekalian,

3. Satu daripada prinsip ketamadunan sesuatu bangsa dan negara ialah wujudnya keutuhan budaya dan ketinggian akhlak sebagai identitinya. Dalam rangka meningkatkan kemajuan negara, kepelbagaian budaya dan agama perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Hanya melalui penghayatan nilai-nilai murni akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

4. Kerana itulah, seperti yang kita sedia maklum, YAB. Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni peringkat Kebangsaan pada 11 Januari 2005 yang lalu. Kerajaan telah bersetuju supaya kempen ini dirancang dan dilaksanakan secara berterusan dan meluas kepada segenap lapisan masyarakat bagi tempoh lima (5) tahun akan datang sehingga tahun 2010.

5. Sememangnya, amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni merupakan warisan bangsa dan setiap institusi keluarga bertanggungjawab mendidik setiap ahli keluarganya mengenai perkara-perkara asas budi bahasa dan nilai-nilai murni seperti, cara bertutur yang sopan, saling bertegur sapa, jujur, amanah, bersih, berdisiplin, bersyukur, agar menjadi manusia yang berperibadi mulia.

6. Tambahan lagi, sebagai masyarakat timur, amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni bukan sesuatu perkara baru. Malah kita telah diasuh sejak dari kecil lagi supaya sentiasa bersopan santun dan berbudi bahasa dalam menjalani kehidupan seharian. Hormat orang tua, memberi salam sebagai pembuka kata, membantu orang yang memerlukan pertolongan, ucapan terima kasih atau maaf di mana perlu, merendah diri dan berbagai-bagai lagi, merupakan nasihat yang tidak asing dalam hidup kita.

7. Namun demikian, tanpa kita sedari, kehidupan cara moden disertai dengan cabaran globalisasi telah sedikit sebanyak menghakis budaya tradisi yang bersopan santun, bertata susila dan hormat menghormati yang telah diamalkan turun temurun. Sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan semangat gotong-royong yang menjadi kekuatan dan kebanggaan masyarakat kita pada suatu ketika dahulu tampaknya telah mula goyah. Dek kerana itu, Kerajaan amat prihatin tentang perkembangan yang kurang sihat ini dan berhasrat membendunginya sebelum menjadi lebih buruk.

8. YAB. Perdana Menteri juga telah mengingatkan bahawa, di sebalik pembangunan fizikal dan kebendaan kita sebagai masyarakat yang terbilang perlu mempunyai agenda tersendiri agar tidak semata-mata hanya mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi memiliki mentaliti kelas ketiga. Nyatanya, masyarakat perlu memperkukuhkan lagi aspek budi bahasa dan nilai-nilai murni yang semakin diabaikan sejak akhir-akhir ini.

9. Jadinya mahu tidak mahu, sebagai rakyat Malaysia kita perlu ada kesedaran mengenai asal usul dan acuan kita sendiri yang boleh dilabelkan sebagai 'Orang Timur'. Orang Timur bukan hanya dikenali dengan penilaian rupa bentuk fizikal sahaja, akan tetapi kita mewarisi satu khazanah paling berharga yang menjadikan kita sebagai masyarakat Timur yang berwibawa.

10. Hakikatnya, sejarah telah mengajar kita bahawa memutuskan diri dari akar budaya sendiri dan menerima budaya asing secara total tidak dapat menjadikan sesuatu bangsa itu maju atau kuat. Turki moden adalah merupakan contoh klasik kegagalan suatu bangsa untuk maju, kuat dan makmur dengan memutuskan dirinya dari agama dan akar budaya tradisinya lalu memilih jalan sekularisasi dan pembaratan.

11. Sebaliknya Jepun telah berjaya muncul sebagai raksasa industri tanpa mencabut dirinya dari akar budaya tradisi. Memang dalam batas-batas tertentu Jepun menerima pengaruh Barat tetapi ia memperoleh kekuatan asasnya dari warisan budaya tradisinya sendiri iaitu ajaran Zen Buddhism. Demikian jugalah dengan Taiwan yang mengasaskan kekuatannya pada ajaran Konfusianisme.

12. Dalam hal ini, teringat saya kepada tulisan-tulisan Allahyarham Profesor Hamka yang sering menyatakan bahawa perangai dan buruk baik seseorang itu bergantung kepada dirinya sendiri. Itulah di antara sifat-sifat kelebihan yang membawa kepada ketinggian umat dan kemajuannya. Apabila terdapat sesuatu bangsa yang berpegang kuat kepada kebolehan dan kemuliaan dirinya, mereka akan menjadi besar dan mulia serta bangsa mereka akan naik menjadi besar dan mulia dengan sebab pekerti mereka itu.

13. Demikianlah betapa pentingnya peranan budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam aspek kemajuan kita sendiri sebagai masyarakat timur. Matlamat yang lebih penting disebaliknya adalah menjadi sebuah masyarakat yang maju mengikut cara kita sendiri dengan erti kata menambahkan peningkatan hidup dan kemajuan tanpa mengurangi nilai-nilai penting khazanah bangsa kita sendiri.

14. Seperkara yang ingin saya tekankan ialah, budaya berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni bukan sekadar perlu dipertahankan bahkan perlu diperkayakan lagi agar ia tidak mengalami kepupusan serta sentiasa berkesinambungan untuk diwarisi daripada generasi ke generasi seterusnya.

15. Walaupun berbudi bahasa dan nilai-nilai murni itu secara istilahnya bukan disebut sebagai akhlak mulia, namun ia tetap membawa maksud yang sama. Sesuai dengan galakan agama yang menyatakan kepentingan menjaga suara hati dan pertuturan sebagai garis permulaan mempertingkatkan budi pekerti diri. Allah SWT berfirman yang bermaksud : "Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang untuk mendedahkan kejahatan orang kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan ingatlah Allah sentiasa mendengar, lagi maha mengetahui." (Surah An- Nisa ayat 148).

16. Malah Rasulullah SAW yang diutuskan sebagai contoh akhlak terpuji pernah bersabda yang maksudnya : "Sesungguhnya Allah menyukai sikap berlemah lembut dalam semua perkara".

Saudara dan saudari sekalian,

17. Secara sedar ataupun tidak, pelbagai gejala negatif akan timbul akibat daripada kepupusan budi bahasa dan nilai murni. Orang timur pada kebiasaannya memang lemah lembut dan sensitif jiwanya terhadap budi bicara. Kalau kita susuri sejarah orang Melayu contohnya, waima semasa sedang berbalah atau bertengkar sekalipun masih boleh berpantun dalam menyatakan kemarahan itu. Inilah uniknya budi bahasa. Jelasnya, hubungan dan keharmonian boleh porak peranda hanya kerana kekurangan budi bahasa. Bak kata pepatah "Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa".

18. Lantaran itulah, setiap pihak perlu positif dan turut serta membudayakan budi bahasa dan nilai-nilai murni sebagai gaya hidup yang sempurna. Malaysia memerlukan pembangunan nilai dan budaya yang betul. Nilai-nilai yang terlibat adalah seperti ketulusan, kejujuran, intergriti, adil, amanah dan akauntabiliti. Dengan ini, kita bukan sahaja mampu membentuk aspek pembangunan luaran semata-mata, akan tetapi perlu juga memperbaiki aspek dalaman yang dikenali sebagai aspek keperibadian untuk menjadikan masyarakat kita sebagai suatu masyarakat yang benar-benar bertamadun.

Saudara dan saudari sekalian,

19. Dalam ucapan semasa Perasmian Persidangan Perwakilan UMNO 2004, saya turut mengariskan langkah mengamalkan nilai-nilai murni. Orang kita hendaklah pandai menjana semula nilai-nilai tradisional yang diadun dengan nilai-nilai kontemporari untuk terus memacu kejayaan. Sememangnya sejak dahulu kala orang kita terkenal dengan sifat amanah, kesetiaan, kejujuran, keikhlasan, kesabaran, kesederhanaan, kesopanan dan semangat kekeluargaan yang tinggi. Nilai-nilai tersebut perlulah dimantapkan lagi dengan pemikiran global, saintifik, strategik dan budaya pencapaian tinggi (high performance culture).

20. Hanya dengan adunan nilai-nilai murni dapat kita pastikan bahawa orang kita mampu menangani cabaran persekitaran global tanpa mengorbankan jati diri sendiri. Ini penting kerana generasi pelapis yang akan mewarisi negara ini perlu mempunyai moral yang tinggi supaya tamadun yang dibina tidak mudah runtuh dan kejayaan yang dicapai selama ini tidak hancur begitu sahaja.

21. Oleh yang demikian, Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang digerakkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan perlu dijadikan titik mula untuk berubah ke arah kebaikan. Kualiti bangsa bukan saja dari segi pendidikan, kepakaran dan teknologi yang dimiliki, tetapi juga dari segi nilai spiritual dan moral yang tinggi, bertanggungjawab dan mengutamakan nilai-nilai murni dalam kehidupan, bak kata bidalan :

Yang sakit dijenguk-jenguk
Yang dekat diingat-ingat
Yang jauh ditinjau-tinjau
Yang kaya disapa-sapa
Yang susah dipapah-papah
Yang berisi beri-memberi
Yang susah rasa-berasa

22. Demikianlah amalan yang seharusnya diselit, diamal dan dijadikan landasan kepada masyarakat di negara kita yang berbilang kaum dan adat. Walau apapun strategi dan pelan tindakannya, matlamat akhir kita ialah untuk mengembalikan semula kesantunan rakyat Malaysia ke arah mewujudkan satu masyarakat yang berbudi luhur.

23. Semoga penghayatan dan pengamalan berterusan budi bahasa dan nilai-nilai murni dapat membentuk bangsa Malaysia yang lebih Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Dengan kata-kata itu, saya dengan rasminya melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni Fasa Kedua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh